



Ruj. Kami : KKR.BK(S)400-12/2/24 Jilid 36 (23)
Tarikh : 9 Mac 2026

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PANDUAN BERHUBUNG PELAKSANAAN *PROOF OF CONCEPT* BAGI PRODUK DAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KOMUNIKASI, KEJURUTERAAN DAN BUKAN KEJURUTERAAN DI KEMENTERIAN KERJA RAYA, JABATAN DAN AGENSI DI BAWAHNYA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

- Untuk makluman YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Kementerian Kerja Raya (KKR), jabatan dan agensi di bawahnya kerap menerima permohonan daripada syarikat pengeluar dan organisasi tertentu untuk mempromosi produk atau perkhidmatan pembinaan dan penyenggaraan dalam persekitaran sebenar. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk disediakan panduan khusus sebagai rujukan bagi pelaksanaan *Proof Of Concept* (POC) di peringkat KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).
- Panduan ini merangkumi produk dan perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan dan bukan kejuruteraan yang telah mendapat kelulusan pihak berkuasa pengiktirafan untuk dilaksanakan di pejabat dan fasiliti di bawah kementerian serta lapangan. Pelaksanaan POC ini tidak mengikat Kerajaan khususnya berkaitan kewangan, perolehan dan perundangan serta tanggungan liabiliti untuk menerima produk dan perkhidmatan.
- Kerjasama YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan menghebahkan mengenai garis panduan ini kepada pegawai di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan pelaksanaan yang seragam, teratur dan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SERTAZMAN BIN IBRAHIM)

'KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT'
'TOWARDS THE PEOPLE'S PROSPERITY'



Ruj. Kami : KKR.BK(S)400-12/13 Jilid 36 (23)
Tarikh : 9 Mac 2026

s.k:

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

SENARAI EDARAN:

EDARAN DALAMAN:

1. Ketua Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Tingkat 8, Blok B
Kementerian Kerja Raya
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Dan Antarabangsa
Tingkat 11, Blok B
Kementerian Kerja Raya
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancang Jalan
Tingkat 2, Blok A
Kementerian Kerja Raya
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan
Tingkat 4, Blok A
Kementerian Kerja Raya
5. Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
Tingkat 1, Blok A
Kementerian Kerja Raya
6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Fasiliti
Tingkat 7, Blok B
Kementerian Kerja Raya
7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 14, Blok B
Kementerian Kerja Raya
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat Bawah Blok A
Kementerian Kerja Raya
9. Pengarah
Unit Integriti
Tingkat 13, Blok B
Jalan Sultan Salahuddin
Kementerian Kerja Raya

10. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Tingkat 3, Blok A
Kementerian Kerja Raya
(u.p.: Puan Gowri a/p A.Poobalan)
11. Ketua Audit Dalam
Unit Audit Dalam
Tingkat 9, Blok B
Kementerian Kerja Raya
12. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Tingkat 8, Blok B
Kementerian Kerja Raya
13. Ketua Unit Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat
Tingkat 6, Blok B
Kementerian Kerja Raya
14. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Korporat
Tingkat 5, Blok B
Kementerian Kerja Raya

EDARAN LUARAN

1. Ketua Pengarah Kerja Raya
Pejabat KPKR
Tingkat 33, Blok G
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
2. Pengarah Kanan
Cawangan Arkitek
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Tingkat 11
Menara Tun Ismail Mohamad Ali
No.25, Jalan Raja Laut
50582 Kuala Lumpur
3. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 10, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
4. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 26, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

5. Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 11, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
6. Pengarah Kanan
Cawangan Kontrak & Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 16, Menara Tun Ismail Mohamad Ali
No. 25, Jalan Raja Laut
50582 Kuala Lumpur
7. Pengarah Kanan
Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Tingkat 13A, Menara PJD, Ibu Pejabat JKR Malaysia
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
8. Pengarah Kanan
Cawangan Jalan
Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
9. Pengarah Kanan
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Tingkat 5, Blok F
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
10. Pejabat Pengarah Kanan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR (CREaTE)
Jalan Kemus, Simpang Ampat
78000 Alor Gajah, Melaka
11. Pengarah
Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat
Tingkat 33, Blok G, Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
12. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
Tingkat 8, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

13. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Cerun
Tingkat 12, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
14. Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Aras 3, Blok D (Lama), Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
15. Pengarah
Cawangan Kerja Bangunan Am 2
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 3A, Menara PJD
No.50 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
16. Pengarah
Cawangan Kerja Pendidikan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 23, Maju Tower, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
17. Pengarah
Cawangan Kerja Keselamatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Tingkat 20, Maju Tower
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
18. Pengarah
Cawangan Kerja Kesihatan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Tingkat 23, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
19. Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Tingkat 1 Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
20. Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Geoteknik
Tingkat 26, Menara PJD
No 50 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
21. Pengarah
Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
Tingkat 23, Menara PJD
No 50, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

22. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya
Blok F7, Kompleks F
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
23. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
100, Jalan Putra, Chow Kit
50350 Kuala Lumpur
24. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 81002, Jalan Kampung Jawa
87020 Wilayah Persekutuan Labuan
25. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah
Beg Berkunci 2032
Jalan Sembulan
88582 Kota Kinabalu, Sabah
26. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak
Wisma Saberkas
Jalan Tun Abang Haji Openg
93582 Kuching, Sarawak
27. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah
Tingkat 6, Bangunan Sultan Abdul Halim
Jalan Sultan Badlishah
05582 Alor Setar, Kedah Darul Aman
28. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak
29. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Johor
Aras 4, Bangunan Dato' Abd. Rahman Andak
Kota Iskandar
79582 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim
30. Pengarah
Kerja Raya Negeri Pahang
Tingkat 9 12, Kompleks Tun Razak
25582, Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan, Pahang

31. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan
Tingkat 2, Blok A, Wisma Negeri
70990 Seremban, Negeri Sembilan
32. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
Jalan JKR Sungai Pinang
11600 George Town, Pulau Pinang
33. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis
KM 3, Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar, Perlis
34. Pengarah
Unit JKR KESEDAR
Jalan Chempaka Merah
17500 Tanah Merah, Kelantan Darul Naim
35. Pengarah
Unit JKR KETENGAH
Aras 1, Blok B
Bangunan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
Bandar Al Muktafi Billah Shah
23400 Dungun, Terengganu Darul Iman
36. Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tingkat 11, CIDB 520
The MET Corporate Towers
No 20 Jalan Dutamas 2
50480 Kuala Lumpur
37. Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Wisma Lebuhraya
KM-6, Jalan Serdang-Kajang
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan
38. Yang Dipertua
Lembaga Jurutera Malaysia
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
39. Yang DiPertua
Lembaga Arkitek Malaysia
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Rujukan Kami : KKR.BK(S)400-12/2/4 Jilid 36 (23)
Tarikh : 9 Mac 2026

40. Yang DiPertua
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

PANDUAN PELAKSANAAN *PROOF OF CONCEPT* BAGI PRODUK DAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KOMUNIKASI, KEJURUTERAAN DAN BUKAN KEJURUTERAAN DI KEMENTERIAN KERJA RAYA, JABATAN DAN AGENSI DI BAWAHNYA

PENDAHULUAN

1. Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada Ketua Jabatan di peringkat KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) serta pihak yang berkenaan mengenai syarat dan tatacara *Proof of Concept* (POC) supaya pelaksanaannya teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.
2. Pelaksanaan POC hanya melibatkan produk dan perkhidmatan yang telah mendapat kelulusan pengiktirafan daripada pihak berkuasa penerafan seperti *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM), Suruhanjaya Tenaga serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
3. Selain itu, pelaksanaan ini tidak mengikat Kerajaan khususnya berkaitan kewangan, perolehan dan perundangan serta tanggungan liabiliti untuk menerima produk dan perkhidmatan yang melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan dan bukan kejuruteraan yang mana sedang atau telah menjalani POC di pejabat dan fasiliti di bawah kementerian serta lapangan.

PELAKSANAAN

4. Penjelasan mengenai syarat dan tatacara POC adalah seperti berikut:

Jenis Produk Dan Perkhidmatan

- 4.1. Perincian jenis produk dan perkhidmatan bagi POC adalah seperti berikut:
 - (a) produk dan perkhidmatan ICT;
 - (b) produk dan perkhidmatan (kejuruteraan dan bukan kejuruteraan); dan
 - (c) pelbagai produk dan perkhidmatan lain berkaitan jalan raya dan industri pembinaan yang bersesuaian untuk menjalani POC di pejabat dan fasiliti KKR, jabatan dan agensi di bawah KKR serta lapangan.

Syarat Dan Tempoh

- 4.2. Pelaksanaan POC dapat memberi peluang kepada syarikat untuk berkongsi idea dan inovasi serta membuktikan kebolegunaan produk dan perkhidmatannya dalam persekitaran sebenar. Oleh itu, syarikat yang berminat perlu terlebih dahulu mematuhi perkara-perkara berikut:
- (a) menjalani tapisan keselamatan dan menandatangani perakuan bagi POC berkaitan ICT (sekiranya berkaitan). Skop ini antaranya adalah:
 - (i) tapisan keselamatan *e-Vetting* yang boleh dicapai menerusi laman sesawang <https://evetting.cgso.gov.my>;
 - (ii) menandatangani Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT KKR bagi produk dan perkhidmatan ICT yang ditempatkan dalam persekitaran KKR, jabatan dan agensi di bawahnya; dan
 - (iii) menandatangani akuan di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972 dan akuan lain yang berkaitan.
 - (b) mengesahkan produk dan perkhidmatan yang dicadangkan adalah sesuai dan selamat untuk POC dalam persekitaran KKR, jabatan dan agensi di bawahnya serta lapangan. Suatu perkiraan perlu dibuat antara syarikat konsesi/ kontraktor dengan syarikat yang mencadangkan POC bagi memastikan syarikat bersetuju untuk menanggung rugi (*indemnify*) kepada syarikat konsesi/ kontraktor bagi apa-apa kerosakan atau kerugian yang dialami akibat kerja-kerja POC yang dilaksanakan oleh syarikat.
 - (c) sekiranya pelaksanaan POC melibatkan apa-apa jenis kerja dalam, pada, di atas atau di bawah apa-apa jalan Persekutuan, kelulusan Menteri Kerja Raya ("Menteri") **perlu diperolehi terlebih dahulu** mengikut Seksyen 85(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan.
 - (d) memastikan produk dan perkhidmatan adalah asli, memiliki idea dan objektif yang jelas dari segi kefungisian, kegunaan dan keselamatan serta telah mendapat kelulusan pengiktirafan daripada pihak berkuasa penarafan yang berkenaan. Produk dan perkhidmatan yang dicadangkan oleh syarikat hendaklah **tidak melanggar** mana-mana undang-undang harta intelek seperti Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332], Akta Paten 1983 [Akta 291], Akta

Reka Bentuk Perindustrian 1996 [Akta 552] dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 [Akta 601].

- (e) menyediakan maklumat produk dan perkhidmatan dengan jelas seperti potensi kebolehlaksanaan dalam skala luas (*scalability*), daya ketahanan dan impak kos ke atas jangka hayat (*life cycle costing*) bagi memudahkan KKR, jabatan dan agensi di bawahnya membuat penilaian sebelum, semasa atau selepas tamat pelaksanaan POC.
- (f) melaksanakan POC dalam tempoh yang munasabah seperti berikut:
 - (i) hingga enam (6) bulan bagi produk dan perkhidmatan ICT, kejuruteraan dan bukan kejuruteraan;
 - (ii) hingga 12 bulan bagi produk dan bahan kejuruteraan seperti bahan turapan jalan dan konkrit; dan
 - (iii) walau apapun penjelasan di sub-perenggan 4.2(f)(i) dan (ii), syarikat perlu mengemukakan justifikasi dan dokumen sokongan yang lengkap sekiranya memerlukan tempoh POC lebih panjang.
- (g) melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan ke atas produk dan perkhidmatan di peringkat awal dan secara berkala serta memastikan produk dan perkhidmatan berkeadaan baik apabila disenggara dan diganti oleh syarikat mengikut tempoh yang ditetapkan.
- (h) syarikat hendaklah segera memberi bantuan teknikal di lokasi produk dan perkhidmatan ditempatkan apabila diperlukan.
- (i) syarikat perlu menanggung semua kos pelaksanaan POC, antaranya melibatkan perkara berikut:
 - (i) kos pembinaan dan apa-apa kos lain bagi tujuan pelaksanaan kerja di tapak seperti kos bahan, peralatan binaan, jentera, pekerja binaan dan kerja-kerja pengujian;
 - (ii) kos penyenggaraan dan alat ganti bagi membaiki produk dan perkhidmatan (ICT, kejuruteraan dan bukan kejuruteraan) semasa dalam pelaksanaan POC hingga produk dan perkhidmatan diambil semula oleh syarikat;

- (iii) kos bahan/ peralatan pakai habis bagi produk dan perkhidmatan (ICT, kejuruteraan dan bukan kejuruteraan) yang memerlukan penggunaan bahan/ peralatan pakai habis;
 - (iv) kos sewa dan utiliti yang ditetapkan lebih awal oleh KKR, jabatan dan agensi di bawahnya bagi tujuan menempatkan produk dan perkhidmatan (ICT, kejuruteraan dan bukan kejuruteraan) untuk pelaksanaan POC;
 - (v) kos bagi sebarang bayaran cukai dan kenaan lain ke atas produk dan perkhidmatan yang diimport dari luar negara; dan
 - (vi) kos lain berikutan penempatan produk dan perkhidmatan di KKR, jabatan dan agensi di bawahnya.
- (j) menanggung semua risiko termasuk risiko yang berbangkit selepas pelaksanaan POC, antaranya:
- (i) kerosakan terhadap pejabat dan fasiliti KKR, jabatan dan agensi di bawahnya serta lapangan akibat pemasangan, penempatan serta pelucutan produk dan perkhidmatan yang dibuat secara tidak kemas, tidak sempurna atau tidak mengikut prosedur yang ditetapkan;
 - (ii) kerugian yang dialami berikutan kehilangan atau kerosakan terhadap produk dan perkhidmatan yang dipasang atau ditempatkan di pejabat dan fasiliti KKR, jabatan dan agensi di bawahnya serta lapangan. Berhubung perkara ini, syarikat perlu menyediakan pakej insurans bagi melindungi produk dan perkhidmatan tersebut; dan
 - (iii) saman oleh pihak tertentu akibat penggunaan produk dan perkhidmatan yang didapati memberi kesan terhadap kesihatan dan keselamatan pegawai yang mengendalikan produk dan perkhidmatan, orang awam serta pejabat, fasiliti dan lokasi lapangan yang terlibat.
- (k) syarikat perlu diberi penjelasan bahawa persetujuan pelaksanaan POC ini melindungi KKR, jabatan dan agensi di bawahnya daripada dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerosakan atau kehilangan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat, termasuk **tidak boleh dipertanggungjawabkan** untuk

menanggung apa-apa kerugian yang perlu ditanggung oleh syarikat akibat kerosakan atau kehilangan produk dan perkhidmatan tersebut.

- (l) data/ maklumat/ laporan pelaksanaan produk dan perkhidmatan di sepanjang pelaksanaan POC di KKR, Jabatan dan Agensi di bawahnya yang tersimpan dalam peranti/ storan/ storan awan/ pelayan pangkalan data syarikat merupakan **Hak Milik Kerajaan**. Sehubungan dengan itu, kelulusan Kerajaan (KKR, jabatan dan agensi di bawahnya) **perlu diperolehi terlebih dahulu** sebelum data/ maklumat/ laporan tersebut digunakan, diterbitkan atau dihebahkan kepada umum.
- (m) data/ maklumat/ laporan yang tersimpan dalam peranti/ storan/ storan awan/ pelayan pangkalan data syarikat perlu **dipindahkan secara kekal** kepada storan awan/ pelayan pangkalan data milik KKR, jabatan dan agensi di bawahnya **tanpa sebarang kos** serta data/ maklumat/ laporan tersebut juga perlu dihapuskan secara kekal daripada peranti/ storan/ storan awan/ pelayan pangkalan data syarikat.
- (n) sekiranya terdapat keperluan mana-mana data/ maklumat/ laporan yang belum diklasifikasikan sebagai milik syarikat untuk diterbitkan bagi tujuan hebahan umum, syarikat hendaklah **mendapatkan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu** daripada KKR, jabatan dan agensi di bawah KKR selaras dengan terma perjanjian menjaga kerahsiaan (*Non-Disclosure Agreement*).

Larangan Dan Liabiliti

- 4.3. Syarikat **tidak dibenarkan sama sekali** menggunakan logo rasmi dan merujuk kepada mana-mana pejabat dan fasiliti KKR, jabatan dan agensi di bawahnya yang menempatkan produk dan perkhidmatan semasa POC bagi tujuan kempen pengiklanan atau pengkomersialan **kecuali** telah mendapat **kebenaran bertulis** daripada KKR, jabatan dan agensi di bawahnya.
- 4.4. Kerajaan (KKR, jabatan dan agensi di bawahnya) **tidak terikat** untuk melaksanakan perolehan ke atas produk dan perkhidmatan setelah tamat tempoh pelaksanaan POC dan syarikat juga **tidak berhak** untuk menuntut atau mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap Kerajaan (KKR, jabatan dan agensi di bawahnya) berhubung perkara ini.

- 4.5. Pelaksanaan POC perlu dibuat menerusi Surat Aku Janji (*Letter of Undertaking/ LoU*) untuk memperkukuh komitmen syarikat bagi melaksanakan obligasi berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan dan bagi tujuan melindungi kepentingan Kerajaan.

Tatacara Permohonan

- 4.6. Tatacara permohonan POC adalah seperti berikut:

- (a) permohonan lengkap perlu dikemukakan oleh syarikat kepada Bahagian/ Cawangan/ Unit di KKR, jabatan dan agensi di bawahnya.
- (b) permohonan perlu mengandungi perkara-perkara berikut:
 - (i) tujuan dan latar belakang permohonan;
 - (ii) fungsi, kegunaan dan keselamatan serta pengesahan/ pengiktirafan daripada pihak berkuasa penarafan yang berkenaan;
 - (iii) asas pemilihan pejabat atau fasiliti di KKR, jabatan dan agensi di bawahnya;
 - (iv) tempoh pelaksanaan dengan mengemukakan jadual dan garis masa pelaksanaan;
 - (v) skop dan kaedah pelaksanaan;
 - (vi) perincian mengenai tadbir urus bagi tujuan memudahkan kawal selia oleh pejabat atau fasiliti ke atas pelaksanaan POC;
 - (vii) spesifikasi teknikal bagi produk atau perkhidmatan yang dicadangkan; dan
 - (viii) cadangan selepas tamat pelaksanaan POC.
- (c) Bahagian/ Cawangan/ Unit di KKR, jabatan dan agensi di bawah KKR yang bersetuju menerima pelaksanaan POC hendaklah menyediakan ulasan dan pengesyoran;
- (d) sebelum pelaksanaan POC, penilaian teknikal dan kewangan hendaklah dibuat terhadap produk atau perkhidmatan menerusi Jawatankuasa Teknikal/ Kewangan yang ditubuhkan di peringkat masing-masing;

- (e) pelaksanaan POC melibatkan produk dan perkhidmatan bukan ICT, permohonan perlu dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) KKR untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Kerja Dasar KKR dan Jawatankuasa Dasar KKR;
- (f) pelaksanaan POC melibatkan produk dan perkhidmatan ICT, permohonan perlu dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KKR untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KKR/ Jawatankuasa Kerja Dasar KKR dan Jawatankuasa Dasar KKR;
- (g) BPF KKR dan BPM KKR perlu menyelaras dengan urus setia di BDA KKR untuk pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dasar KKR dan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar KKR;
- (h) pelaksanaan POC yang melibatkan apa-apa jenis kerja dalam, pada, di atas atau di bawah apa-apa jalan Persekutuan, kelulusan Menteri di bawah seksyen 85(1)(c) Akta 333 perlu diperolehi terlebih dahulu daripada Menteri tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan; dan
- (i) urus setia di BDA KKR memaklumkan keputusan Menteri/ Mesyuarat Jawatankuasa Dasar KKR kepada BPF KKR atau BPM KKR dan seterusnya keputusan tersebut dimaklumkan kepada pemohon.

Carta Alir

5. Carta alir tatacara permohonan POC adalah di **Lampiran A**.

Penilaian POC

6. Penilaian POC bagi produk atau perkhidmatan di KKR, jabatan dan agensi di bawahnya serta lapangan dilaksanakan di peringkat Bahagian/ Cawangan/ Unit masing-masing. Penilaian hendaklah dilaksanakan di sepanjang dan selepas tamat tempoh POC.

7. Penilaian POC adalah berdasarkan skop berikut:

- (a) idea dan objektif yang jelas dari segi fungsi penggunaan produk dan perkhidmatan;
- (b) kesesuaian dan impak penggunaan produk dan perkhidmatan dalam persekitaran sebenar;

- (c) keselamatan produk dan perkhidmatan termasuk mendapat pengesahan/ pengiktirafan daripada pihak/ badan berkuasa yang berkenaan;
- (d) kebolehlaksanaan produk dan perkhidmatan dalam skala yang luas (*scalability*);
- (e) daya ketahanan produk dan perkhidmatan termasuklah impak kos berdasarkan jangka hayat (*life cycle costing*); dan
- (f) skop lain yang sesuai dan boleh dijadikan sebagai asas penilaian pelaksanaan POC.

8. Hasil POC perlu dibentangkan di peringkat masing-masing bagi menilai keberkesanan dan kebolehlaksanaan produk dan perkhidmatan, seterusnya dibentangkan di peringkat KKR.

TANGGUNGJAWAB

9. Bahagian/ Cawangan/ Unit di KKR, jabatan dan agensi di bawahnya yang melaksanakan POC dan syarikat **bertanggungjawab** memastikan perkara-perkara berikut:

- (a) memastikan produk dan perkhidmatan sesuai dan selamat serta dokumen yang lengkap;
- (b) memudah cara dan bertanggungjawab memantau pelaksanaan POC di pejabat, fasiliti dan lapangan yang dikenal pasti dalam tempoh yang diluluskan;
- (c) mematuhi semua obligasi serta terma dan syarat pelaksanaan POC;
- (d) memastikan draf LoU pelaksanaan POC dikemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang KKR terlebih dahulu untuk semakan dan kelulusan;
- (e) memastikan dokumentasi dan laporan lengkap yang menjelaskan hasil pelaksanaan POC; dan
- (f) memastikan laporan pelaksanaan POC dibentangkan di peringkat masing-masing dan di peringkat KKR.

PENAMATAN POC

10. Kerajaan pada bila-bila masa **berhak** untuk menamatkan pelaksanaan POC ini dengan atau tanpa memberi notis awal sekiranya syarikat didapati melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan. Pelanggaran mana-mana terma dan syarat

kelulusan yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 85(1)(c) Akta 333 merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 85(7) Akta 333.

KUAT KUASA

11. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ditandatangani.

PENUTUP

12. Bagi memastikan pelaksanaan yang teratur dan seragam serta mengikut peraturan yang berkuat kuasa, kerjasama YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan menghebahkan mengenai garis panduan ini kepada pegawai di bawah seliaan masing-masing.


13. Garis panduan ini juga dipanjangkan kepada Agensi di bawah KKR.

TATACARA PERMOHONAN PROOF OF CONCEPT

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA

1. Bahagian/Cawangan/
Unit di KKR/ JKR/
Agensi di bawah KKR
2. Bahagian/Cawangan/
Unit di KKR/ JKR/
Agensi di bawah KKR
3. Bahagian/Cawangan/
Unit di KKR/ JKR/
Agensi di bawah KKR
4. Bahagian/Cawangan/
Unit di KKR/ JKR/
Agensi di bawah KKR
6. BPF KKR/BPM KKR
5. Urus Setia di BDA KKR



Menerima permohonan daripada syarikat.

Membuat semakan dokumen yang dikemukakan oleh syarikat.

Melaksanakan Penilaian Teknikal dan Kewangan bagi penyediaan ulasan dan pengesyoran.

Mengemukakan permohonan lengkap bersama ulasan dan pengesyoran kepada:

- i. BPF KKR bagi produk atau perkhidmatan bukan ICT; atau
- ii. BPM KKR bagi produk atau solusi ICT. Mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KKR terlebih dahulu.

Menyemak dan menyelaras dengan Urus Setia di BDA KKR untuk sesi pembentangan di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dasar KKR dan Mesyuarat Dasar KKR.

Memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar KKR kepada BPF KKR/BPM KKR dan seterusnya dimaklumkan kepada pemohon.